

TEKS UCAPAN
PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
BAGI MAJLIS PELANCARAN MANUAL PERATURAN KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN (MPKP) & GARIS PANDUAN DAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA (GGSM)
UTeM HOLDINGS SDN BHD

Tarikh : 6 November 2024 (Rabu)

Tempat : Ames Hotel, Melaka

Masa : 1.00 p.m. – 2.30 p.m.

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam UTeMKu Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Kehadapan.

YBHG. DATUK HAJAH ROSNAH BINTI HAJI ABDUL RASHID SHIRLIN
Pengerusi Lembaga Pengarah, UTeM Holdings Sdn Bhd

YBRS. PROFESOR MADYA TS. MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Caretaker Ketua Pegawai Eksekutif, UTeM Holdings Sdn Bhd

اویونیورسیتی تکنیکال ملaysia ملاکا
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi, UTeM,
Ahli – Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan UTeM Holdings,

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan UTeM Holdings,

Tuan – Tuan dan Puan – Puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada YBhg. Datuk Hajah Rosnah dan seluruh ahli pengurusan Kumpulan UTeM Holdings atas jemputan ini serta atas usaha gigih mereka dalam menganjurkan majlis pelancaran Buku Manual Peraturan Kewangan dan Perakaunan (MPKP) dan Garis Panduan Governan dan Pengurusan Sumber Manusia (GGSM) yang amat bermakna ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya dengan penuh rasa hormat ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli Lembaga Pengarah yang baharu, iaitu YBhg. Datuk Mohd Ariff bin Abdul Majid dan YBhg. Datuk Wira Nur Azmi bin Ahmad. Kehadiran kedua-dua tokoh ini pasti akan memberikan nilai tambah dan pandangan baharu kepada hala tuju syarikat UTeM Holdings Sdn Bhd. Tidak dilupakan, ucapan tahniah kepada Encik Husaini Amir Bin Azizan atas sambungan perkhidmatan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat UTeM Holdings.

Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian,

Pada hari yang bersejarah ini, saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas kejayaan syarikat UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB) dalam menerbitkan Buku Manual Peraturan Kewangan dan Perakaunan (MPKP) serta Garis Panduan Governan dan Pengurusan Sumber Manusia (GGSM). Kejayaan ini bukan sahaja membuktikan komitmen syarikat UHSB dalam menerapkan amalan terbaik dalam pengurusan kewangan dan sumber manusia, tetapi juga mencerminkan kesungguhan untuk memperkuatkan nilai-nilai integriti dan akauntabiliti dalam tadbir urus. Bagi pihak UTeM, yang merupakan pemegang taruh utama UHSB, saya amat berbangga dengan pencapaian ini dan berharap ia menjadi permulaan bagi syarikat UHSB mencapai kecemerlangan yang lebih besar.

Penghasilan MPKP adalah langkah tepat dalam memastikan setiap prosedur kewangan dijalankan dengan penuh ketelusan dan kepatuhan kepada piawaian yang telah ditetapkan. Sebagai panduan yang jelas dan menyeluruh, MPKP menyediakan kerangka yang mantap dalam pengurusan kewangan bagi mengekalkan akauntabiliti dan keyakinan semua pihak terhadap syarikat UHSB. Selain itu, GGSM adalah dokumen yang amat diperlukan dalam memperkuatkan asas governan dan pengurusan sumber manusia. GGSM memberi tumpuan kepada nilai profesionalisme dan keberkesanan dalam mengurus modal insan, sekali gus membentuk budaya kerja yang harmoni dan produktif.

Sebagai pemegang taruh utama, UTeM amat berharap agar penerbitan kedua-dua dokumen penting ini akan dijadikan rujukan utama dalam setiap aspek pentadbiran dan pengurusan di syarikat UHSB serta syarikat-syarikat subsidiarinya. Dengan berlandaskan MPKP dan GGSM, saya percaya syarikat UHSB akan dapat memacu perkembangan yang lebih kukuh dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi UTeM untuk menjadi sebuah universiti yang komited terhadap amalan tadbir urus terbaik.

Harapan saya adalah agar kedua-dua dokumen ini tidak hanya kekal sebagai rujukan, tetapi diaplikasikan secara komprehensif dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Dengan panduan ini, saya yakin UHSB dapat mencapai kecemerlangan yang berterusan, memberi impak positif kepada UTeM, dan terus melakar reputasi yang baik di mata industri dan masyarakat.

Sekali lagi, saya ucapkan syabas kepada semua yang telah menjayakan penerbitan MPKP dan GGSM ini. Semoga dokumen ini menjadi pendorong untuk kita terus melangkah maju dan membawa UHSB ke puncak kejayaan yang lebih gemilang.

Sekian, terima kasih.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

Naib Canselor

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)